



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA TAHUN 2022

KUALA LUMPUR, 11 JULAI – *A World of 8 Billion: Towards a Resilient Future- Harnessing Opportunities and Ensuring Rights and Choices for All* merupakan tema antarabangsa bagi sambutan Hari Penduduk Sedunia 2022 pada hari ini.

Penduduk dunia dijangka akan mencecah angka 8 billion pada November tahun ini*. Pencapaian ini merupakan detik bersejarah. Dunia pada hari ini telah berjaya dalam mengurangkan jumlah kemiskinan dan mencapai kemajuan luar biasa dalam penjagaan kesihatan. Di Malaysia, kadar mortaliti bayi dan kadar mortaliti ibu telah menurun dengan mendadak. Kadar jangka hayat penduduk pula meningkat dengan lebih ramai penduduk hidup lebih lama dan lebih sihat.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama *United Nations Population Fund* (UNFPA) sependapat bahawa sambutan hari penduduk ini wajar diberi perhatian dan dijadikan platform untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang isu dan cabaran kependudukan di Malaysia.

Malaysia mempunyai 32.7 juta pada tahun 2021, meningkat berbanding 27.5 juta pada 2010. Walaupun meningkat, negara mencatatkan purata pertumbuhan penduduk tahunan yang perlahan pada kadar 1.7 peratus bagi tempoh 2010-2020, lebih rendah berbanding 2.1 peratus bagi tempoh 2000-2010. Dengan jumlah penduduk negara dan dunia yang kian bertambah, Malaysia komited melaksanakan tindakan jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan kesejahteraan penduduk lebih-lebih lagi dengan pelbagai perubahan dan cabaran yang dibawa oleh pandemik COVID-19. Kerajaan yakin dengan pelbagai pakej pemulihan negara dan langkah-langkah perlu yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi akan membantu negara menguruskan kesan-kesan perubahan iklim, perubahan kos sara hidup, sekuriti makanan dan lain-lain.

Ketika ini, Malaysia memiliki pelbagai sumber untuk dimanfaatkan dalam memacu kemajuan negara. Merujuk Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, struktur umur penduduk negara ketika ini mencatatkan peningkatan dalam kumpulan umur 'penduduk bekerja' 15-64 tahun dengan 69.3 peratus pada tahun 2020 berbanding 67.3 peratus pada 2010.

Penemuan Banci 2020 tersebut juga menyaksikan nisbah tanggungan jumlah telah menurun daripada 48.5 pada 2010 kepada 44.3 pada 2020.

Malaysia juga dijangka menjadi sebuah negara tua pada tahun 2030, iaitu apabila 15 peratus daripada jumlah penduduknya berumur 60 tahun dan ke atas. Pelaburan ke atas pasaran tenaga buruh pada hari ini akan menjamin pertumbuhan ekonomi negara pada masa akan datang apabila semua individu memiliki kebebasan kewangan di usia persaraan. Jika sebaliknya, peningkatan populasi warga emas ini akan menjadi faktor yang menyumbang kepada peningkatan kos perbelanjaan awam dalam menyediakan infrastruktur dan sokongan penjagaan kesihatan.

Baru-baru ini, delegasi Malaysia telah menyampaikan Kenyataan Negara bersempena *Asia-Pacific Intergovernmental Meeting on the Fourth Review and Appraisal of the Madrid International Plan of Action on Ageing (MIPAA)* yang berlangsung pada 29 Jun hingga 1 Julai 2022 di Bangkok, Thailand.

Antara intipati utama kenyataan tersebut adalah penglibatan aktif Malaysia di peringkat ASEAN dengan melaksanakan salah satu inisiatif utama iaitu *Regional Plan of Action (RPA) to Implement the Kuala Lumpur Declaration on Ageing: Empowering Older Persons in ASEAN* yang telah diperakukan semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-38 dan ke-39 pada 26 Oktober 2021. RPA ini mengandungi 10 tindakan dan 42 aktiviti untuk menyokong negara anggota ASEAN dalam mempromosikan penuaan yang sihat, aktif dan produktif di rantau ini. Selain itu, Malaysia turut melaksanakan *ASEAN-Wide Research Networking on Ageing (ARNA)* yang akan menghasilkan tiga (3) hasil utama iaitu *Population Ageing and Policy Responses, ASEAN Research on Ageing dan Standardized Research Protocol on Ageing*.

Malaysia komited untuk memperkukuh kerangka undang-undang berkaitan warga emas melalui penggubalan Rang Undang-Undang Warga Emas selain mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh semua golongan masyarakat dalam menjaga keperluan dan kesejahteraan warga emas.

Bersempena sambutan Hari Penduduk Sedunia 2022, KPWK melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dengan kerjasama Pusat Pengajian Kependudukan, Universiti Malaya (UM) dan *United Nations Population Funds (UNFPA)*, akan melaksanakan pelbagai aktiviti bagi memberi kesedaran mengenai isu kependudukan di Malaysia. Antaranya adalah pertandingan menulis esei dan forum Hari Penduduk Sedunia dengan tema **“Dunia 8 billion: Ke Arah Masa Depan Berdaya Tahan, Memanfaatkan Peluang dan Memastikan Hak dan Pilihan untuk Semua”**. Pada tahun ini juga, LPPKN sekali lagi akan menganjurkan Persidangan Kependudukan Kebangsaan 2022 (PERKKS 22) yang akan berlangsung secara fizikal di Hotel Bangi Resort pada 10-11 November 2022 dengan tema **“Pemeriksaan Penduduk dan Keluarga Teras Negara Maju”**.

Maklumat lanjut mengenai sambutan Hari Penduduk Sedunia 2022 dan PERKKS 22 boleh dilayari di laman web LPPKN: www.lppkn.gov.my atau laman web Malaysian Population Research Hub LPPKN: <https://mprh.lppkn.gov.my/>.

####

Disediakan oleh:
UNIT PENGURUSAN DATA PENYELIDIKAN
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

Sumber:

**United Nations Population Division Report 2021: Global Population Growth And Sustainable Development*